

UPSI, Majlis Sukan Negara jalin kerjasama strategik pembangunan atlet negara

Tanjong Malim, 12 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Sukan Negara (MSN) Malaysia dalam usaha memperkukuh pembangunan sukan negara, khususnya melibatkan laluan pendidikan atlet dan kerjasama strategik pelbagai aspek. MoU berkenaan merangkumi laluan pendidikan atlet naungan MSN, kerjasama strategik dalam konteks pembangunan sukan, fasiliti sukan, pengurusan data atlet dan kejohanan serta pelbagai aspek lain yang boleh dirunding pada masa hadapan.

Majlis menandatangani MoU itu diadakan bersempena Majlis Perasmian Kem Fasa 1 Program Latihan Atlet MSN yang disempurnakan Menteri Belia dan Sukan, Dr. Mohammed Taufiq Johari di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI. Beliau berkata kem berkenaan bukan sekadar permulaan program latihan, sebaliknya manifestasi pelaksanaan amanah dan tanggungjawab besar kepada negara. Hari ini bukan semata-mata permulaan kepada satu program latihan, tetapi yang lebih penting adalah permulaan untuk kita melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah pun dipertanggungjawabkan untuk kita pikul bersama," ujar beliau.

Menurut beliau, tumpuan utama kini adalah persediaan ke arah Sukan SEA 2027 dengan Malaysia sebagai tuan rumah, dengan sasaran bukan sahaja mencapai, malah melebihi sasaran pingat yang ditetapkan. Sehubungan itu, beliau menjelaskan persiapan atlet negara dibahagikan kepada tiga fasa utama bermula Februari 2026 hingga September 2027. Fasa 1 dari Februari hingga Disember 2026 akan memberi tumpuan kepada pembinaan asas, penilaian prestasi, pengukuhan fizikal dan mental serta pembentukan disiplin latihan. Fasa 2 pula bermula Januari hingga Mei 2027 melibatkan pemantapan program, peningkatan intensiti latihan dan pendedahan pertandingan yang lebih bersasar, manakala Fasa 3 dari Jun hingga September 2027 merupakan fasa akhir persiapan pertandingan dengan penekanan kepada aspek taktikal dan prestasi puncak.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata kerjasama strategik berkenaan mencerminkan komitmen universiti dalam menyokong agenda pembangunan sukan negara secara menyeluruh. Md Amin berkata UPSI bukan sahaja berperanan sebagai institusi pendidikan, malah rakan strategik dalam memperkasa potensi atlet melalui pendekatan bersepadu melibatkan akademik, penyelidikan dan sokongan profesional. "UPSI melihat kerjasama ini sebagai satu tanggungjawab nasional. Atlet bukan sekadar perlu cemerlang di arena sukan, tetapi turut memerlukan jaminan pembangunan pendidikan dan kerjaya yang mampan. Menurut beliau, laluan pendidikan yang dirangka menerusi MoU itu akan memberi ruang kepada atlet untuk menyeimbangkan kecemerlangan sukan dan akademik tanpa menjejaskan kedua-dua aspek.

"Ini penting bagi memastikan atlet mempunyai masa depan yang terancang, sama ada semasa aktif atau selepas menamatkan kerjaya sukan," katanya. Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Abdullah Hassan; Ketua Pengarah MSN, Jefri Ngadirin; Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Datuk Dr. Chong Kim Fatt; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perubatan Sukan) Institut Sukan Negara, Dr. Kamarul Hashimy; Ketua Pengarah Cawangan Sumber Manusia, Markas Angkatan Tentera Malaysia, Farizan Hussain.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



2,772 Pelajar UPSI Terima Bantuan Tunai GRS/ SUBFLY Kerajaan Sabah

Tanjong Malim, 13 Februari - Seramai 2,772 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari Sabah menerima Bantuan Graduan Rindu Sabah atau Subsidi Tiket Penerbangan Pelajar Sabah (GRS/SUBFLY) yang disalurkan secara tunai bagi tahun 2026. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor berkata, inisiatif berkenaan mencerminkan keprihatinan berterusan Kerajaan Negeri Sabah terhadap kebajikan pelajar Sabah yang melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT), khususnya di Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata, bantuan subsidi tiket penerbangan itu diwujudkan sebagai sokongan kepada pelajar yang berjauhan dengan keluarga serta berdepan cabaran kos perjalanan untuk pulang ke kampung halaman. “Inisiatif ini adalah tanda keprihatinan kerajaan terhadap anak-anak Sabah yang berusaha menimba ilmu demi masa depan diri, keluarga dan negeri tercinta. Bantuan ini diharap dapat meringankan beban kewangan pelajar untuk balik ke kampung halaman masing-masing,” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Inisiatif Bantuan Graduan

Rindu Sabah atau Subsidi Tiket Penerbangan Pelajar Sabah (GRS/ SUBFLY) Tahun 2026 di Panggung Percubaan Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, semalam. “Kerajaan negeri terus memberi penekanan serius terhadap pembangunan modal insan melalui pelbagai inisiatif pendidikan selaras dengan agenda Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0 dan keutamaan sektor pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-13,” ujar beliau. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, menzahirkan penghargaan terhadap Kerajaan Negeri Sabah atas pelaksanaan inisiatif berkenaan yang memberi manfaat besar kepada mahasiswa universiti itu.

“UPSI amat menghargai keprihatinan Kerajaan Negeri Sabah yang sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan mahasiswa Sabah, khususnya dalam aspek kebajikan dan kesejahteraan pelajar yang menuntut di Semenanjung Malaysia. Md Amin berkata, daripada keseluruhan 24,170 mahasiswa UPSI ketika ini, seramai 15,532 orang atau 64.3 peratus terdiri daripada golongan B40, sekali gus menggambarkan kepentingan bantuan kewangan dan kebajikan kepada pelajar.

Perak tubuh Majlis Institusi Pendidikan Tinggi himpun semua IPT

Tanjong Malim, 12 Februari - Perak melakar sejarah tersendiri dengan penubuhan Majlis Institusi Pendidikan Tinggi (MIPT), sebuah platform strategik yang menghimpunkan semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta di negeri ini bagi memperkukuh penyelarasan, kerjasama dan pembangunan ekosistem pendidikan tinggi secara menyeluruh.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan, Negeri Datuk Khairudin Abu Hanipah berkata penubuhan MIPT bertujuan memperkukuh sinergi antara Institusi

insan, penyelidikan, inovasi serta agenda pembangunan sosioekonomi negeri dan negara.

Sehubungan itu, katanya, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diberi amanah dan tanggung jawab menggerakkan MIPT Perak.

“MIPT adalah organisasi julung kali ditubuhkan di Perak dan yang pertama seumpamanya di Malaysia, sekali gus meletakkan Perak sebagai perintis dalam tadbir urus pendidikan tinggi bersepadu di peringkat negeri,” katanya.



Cikgu Anita merentas lebih 81 negara, tempuhi lima benua dengan menunggang motosikal

Tanjong Malim, 13 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Program Alumni Talk dan Majlis Penyerahan Bendera melibatkan alumni tersohor, Cikgu Anita Yusof, dalam satu acara yang sarat dengan nilai inspirasi, keberanian dan jati diri warga pendidik.

Majlis yang berlangsung di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah itu disempurnakan Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff yang menyifatkan kehadiran Anita bukan sekadar perkongsian pengalaman, malah simbol ketahanan dan semangat luar biasa seorang guru serta alumni universiti berkenaan. Md Amin berkata, nama Anita Yusof melambangkan keberanian dan keazaman tinggi, selari dengan prinsip bahawa sempadan kejayaan hanya wujud dalam minda.

“Beliau bukan sahaja seorang guru, malah wirawati yang membuktikan ketabahan apabila merentas lebih 81 negara dan menakluki lima benua dengan menunggang motosikal. Kejayaan ini bukan

sekadar rekod peribadi, tetapi manifestasi semangat ‘Ibu Kandung Suluh Budiman’ yang dibawa ke seluruh dunia,” katanya dalam ucapan pada majlis itu. Menurut beliau, pencapaian Anita turut mencerminkan keupayaan alumni UPSI mengharumkan nama universiti di pentas antarabangsa, sekali gus menjadi kebanggaan warga kampus.

“Bendera ini adalah saksi bisu kepada ketabahan, keringat dan doa seorang alumni yang ingin melihat nama universiti berkibar di tanah asing. Ia melambangkan bahawa sejauh mana pun langkah seorang anak kandung UPSI, hati dan jiwanya tetap terikat pada universiti ini,” ujar beliau. Sementara itu, dalam sesi perkongsian, Anita berkata perjalanan akademiknya di UPSI menjadi titik perubahan penting dalam kehidupannya, meskipun beliau memulakan pengajian pada usia yang lebih matang berbanding kebiasaan mahasiswa lain.

Beliau yang mengikuti jurusan Pendidikan Sains Sukan berkata pengalaman di

universiti bukan sahaja membentuk kefahaman akademik, malah membuka perspektif baharu tentang dunia dan potensi diri. “Perjalanan backpacking pertama saya lakukan semasa semester tiga di UPSI. Saya ke Eropah secara solo dan mengunjungi 10 negara. Pengalaman itu banyak mengajar saya tentang keyakinan diri, perancangan dan keberanian membuat keputusan.

Beliau juga menekankan bahawa cabaran sepanjang pengembaraan global, termasuk berdepan kesukaran di sempadan negara, masalah komunikasi dan situasi tidak dijangka, memerlukan kebijaksanaan serta keupayaan menyesuaikan diri.

“Dalam banyak situasi sukar, bukan kekayaan atau kedudukan yang paling penting, tetapi survival intelligence tentang bagaimana kita berfikir dan bertindak untuk keluar daripada masalah,” katanya. Anita berkata keupayaan tersebut sebahagiannya dipupuk melalui pengalaman Pendidikan Luar yang dilaluinya ketika menuntut di UPSI.



UPSI hargai bakti 42 pesara menerusi Majlis Jasamu dikenang



UPSI angkat jiwa akademia menerusi Syarahan Pelantikan Profesor



Perhimpunan Bulanan Edisi Februari 2026 : “Menjelajah Keajaiban Sains” anjuran Fakulti Sains dan Matematik



Prospek Diploma Keusahawanan Pelita Budiman UPSI Terima Anugerah Dekan